

NO. SOALAN : 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan pengiktirafan dan penghormatan yang diberikan oleh Kementerian kepada artis, seniman, karyawan, sasterawan dari kalangan kaum India di negara ini. Berapakah perbelanjaan Kementerian ke arah mencapai matlamat itu dalam tempoh 5 tahun lalu.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui jabatan/agensi di bawahnya sentiasa menghargai sumbangan karyawan kaum India dalam memperkayakan khazanah seni budaya dan warisan negara sama ada dalam bentuk anugerah mahupun pengiktirafan. Pengiktirafan tertinggi Warisan Kebangsaan selaras dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah diberikan kepada dua (2) Tokoh Orang Hidup kaum India iaitu Encik Kumaresan Karthigesu dalam bidang Seni Muzik Sitar pada tahun 2012 dan Puan Vatsala a/p G.R. Kurup dalam bidang Tarian Bharathanatyam dan Katakali pada tahun 2009. Setiap tokoh yang diberi pengiktirafan telah diluluskan bantuan/sumbangan daripada Kerajaan sebanyak RM10,000, kemudahan perubatan di hospital Kerajaan serta bantuan pengurusan sekiranya berlaku kematian.

Selain itu, Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memberi pengiktirafan Adiguru Kraf (Seni Kraf Seramik) kepada Encik V.N Ramadas a/l Vengadasalam pada tahun 2012. Beliau telah menerima wang ganjaran sebanyak RM6,000 dan elaun sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 5 tahun.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga menyediakan tabung-tabung bantuan seperti Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Penggiat Seni dan Bantuan oleh Lembaga Pembangunan Seni Visual

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan meneruskan dasar pengagihan pendapatan negara secara adil dan saksama melalui pendekatan pembangunan secara inklusif. Tumpuan terus diberikan untuk meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) melalui strategi berikut:

Pertama: Menangani Kos Sara Hidup Yang Meningkat dengan:

- meningkatkan penyediaan rumah mampu milik seperti Program Bantuan Rumah (PBR) Program Perumahan Rakyat (PPR), dan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Sebanyak 74,633 buah rumah akan dibina bagi ketiga-tiga program tersebut sepanjang tempoh RMKe-11;
- meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia dan Perkhidmatan *Flying Doctors*, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini, sebanyak 334 Klinik 1Malaysia, 14 Klinik Bergerak 1Malaysia, 12 pasukan *Flying Doctors* di seluruh negara telah diwujudkan untuk memberi akses kepada perkhidmatan kesihatan kepada rakyat;

- memperkenalkan bantuan sokongan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat seperti Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Program Penurunan Harga, Program 1Harga 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kedai COOP 1Malaysia; dan
- meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang seperti Program Pengurusan Hutang dan Program Pendidikan Kewangan yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kedua: **Meningkatkan Pemilikan Kekayaan** dengan memperluaskan program pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan (ASW) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta Amanah Saham Hartanah yang dilaksanakan oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).

Ketiga: **Memperkuh Sistem Penyampaian Program Isi Rumah B40** dengan melengkapkan pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan pembangunan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) Malaysia. Ini akan membantu Kerajaan memberi tumpuan kepada dimensi lain selain pendapatan seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan.

Keempat: **Pembangunan Keusahawanan** dengan:

- meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu melalui pembiayaan mikro, latihan keusahawanan dan promosi dengan kerjasama agensi seperti TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membantu usahawan mikro di bandar dan luar

bandar. Sebanyak RM250 juta peruntukan telah disediakan untuk kedua-dua agensi tersebut bagi tahun 2016;

- meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden yang berasaskan kepada teknik pertanian moden dan amalan pertanian baik seperti Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi dan Projek Ladang Pengganda untuk peningkatan penternakan lembu dan ladang ayam kampung; dan
- meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti Program eRezeki dan eUsahawan dengan peruntukan RM10 juta bagi tahun 2016.

Kelima: Pembangunan Modal Insan dan Gunatenaga dengan:

- mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40 melalui penyediaan asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan seperti Bantuan Persekolahan, Dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan; dan
- meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi seperti Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dengan peruntukan RM65 juta bagi tahun 2016.

Sekian. Terima kasih.

pada tahun 2007. Pelan ini telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan sasaran pencapaian utama AEC iaitu:

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

2. Perbezaan dari segi tahap pembangunan ekonomi antara negara-negara ASEAN bukanlah penghalang sebaliknya dilihat sebagai salah satu faktor kejayaan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 31 Disember 2015.

3. Sejak pelancaran Pelan tersebut, ASEAN telah berjaya memperkukuhkan integrasi ekonomi ASEAN melalui pelbagai langkah-langkah liberalisasi dan fasilitasi perdagangan, termasuk:

- (i) penghapusan duti import ke atas 96 peratus produk dan bakinya dijangka akan dimansuhkan pada 1 Januari 2018;
- (ii) liberisasi sektor perkhidmatan yang merangkumi lebih daripada 100 sub-sektor perkhidmatan;
- (iii) menghapuskan halangan-halangan bagi sektor pelaburan;
- (iv) mengurangkan halangan-halangan bukan tarif (*Non-Tariff Barriers* (NTBs));
- (v) mengintegrasikan sektor-sektor lain seperti pengangkutan, kewangan, pertanian, telekomunikasi, pelancongan serta meningkatkan kerjasama di dalam bidang-bidang seperti galian, perhutanan dan tenaga;
- (vi) mengukuhkan kesalinghubungan (*connectivity*) melalui dasar "*Open Skies*" dan memudahkan pergerakan rentas-sempadan kenderaan komersial;
- (vii) memudahkan pergerakan rentas-sempadan tenaga mahir melalui "*mutual recognition arrangement*" dalam bidang kejuruteraan, arkitek, juruukur, perubatan, pergigian, kejururawatan dan akauntan; dan
- (viii) mengukuhkan kerjasama di dalam bidang hak harta intelek, dasar persaingan dan dasar perlindungan pengguna.

4. Semasa mempengerusikan ASEAN pada tahun 2015, Malaysia dan ASEAN telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi usaha fasilitasi perdagangan. Antara inisiatif-inisiatif fasilitasi perdagangan yang sedang dalam proses pelaksanaan adalah:

- (i) *Skim ASEAN-wide Self-Certification*;
- (ii) *ASEAN Single Window*;
- (iii) *ASEAN Solutions for Investment, Services and Trade (ASSIST)*;
- (iv) *ASEAN Trade Repository (ATR)*; dan
- (v) *ASEAN Customs Transit System (ACTS)*.

5. Langkah-langkah liberalisasi dan integrasi ekonomi yang telah dilaksanakan oleh ASEAN ini telah berjaya meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.

6. ASEAN menyedari bahawa proses integrasi ekonomi serantau merupakan satu proses yang berterusan. Pemimpin-Pemimpin ASEAN telah memperakukan Pelan Tindakan AEC 2016-2025 semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang lalu di Kuala Lumpur. Pelan Tindakan terbaru ini akan meneruskan lagi agenda integrasi ekonomi serantau ASEAN bagi tempoh 10 tahun yang akan datang.